

20/01/2001

Shahrizat disaran teliti model luar negara bangunkan wanita

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Shahrizat Abdul Jalil disaran supaya meneliti model dari luar negara mengenai pembangunan wanita sebagai panduan melaksanakan tugas barunya di Kementerian Hal Ehwal Wanita.

Sambil menyampaikan ucapan tahniah kepada Shahrizat atas pelantikannya sebagai menteri di kementerian baru itu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata:

"Beliau (Shahrizat) perlu mengumpul idea yang baik dalam melaksanakan tugas barunya. Pada masa yang sama, saya menasihatkan beliau supaya meletakkan orang terbaik untuk bekerja."

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pelantikan Shahrizat sebagai anggota baru Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Selasa lalu.

Dr Siti Zaharah yang dihubungi Berita Harian hari ini, berkata penubuhan kementerian itu menunjukkan kerajaan prihatin dan mengiktiraf pembangunan wanita.

Bagaimanapun, beliau berkata, masyarakat tidak seharusnya meletakkan segala masalah berkaitan wanita kepada kementerian baru itu, sebaliknya semua pihak harus memainkan peranan dalam pembangunan wanita.

"Sebagai seorang menteri wanita, saya bangga dengan pengitirafan ini tetapi janganlah segala masalah berkaitan wanita diletakkan di sini. Masyarakat juga perlu bertanggungjawab kerana masalah wanita sering berkisar kepada institusi keluarga," katanya.

Ditanya apakah bidang yang boleh kementeriannya bekerjasama dengan kementerian baru itu, Dr Siti Zaharah berkata: "Sebenarnya, semua kementerian perlu memberi kerjasama dan bukan hanya dari kementerian saya."

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kementeriannya menyambut baik cadangan untuk membawa warga tua dari luar negara, terutama Jepun, ke negara Asia.

Menurutnya, ramai yang tidak menghiraukan golongan tua sebagai pasaran baru, terutama dalam industri pelancongan, tetapi cadangan yang dibuat Perdana Menteri dapat membuka mata ramai pihak.

"Malaysia boleh memulakan program itu kerana mempunyai banyak kelebihan yang dapat menarik minat warga tua datang ke sini," katanya sambil memberitahu bahawa kementeriannya akan mengadakan kajian khusus mengenainya.

Semalam, Dr Mahathir yang dalam lawatan ke Jepun, berkata warga tua di Jepun wajar mengambil kesempatan daripada Program Warga Tua di negara Asia lain berikutan kos kehidupan di Jepun tinggi.

(END)